

28/01/1997

Subjek agama diubah (HL)

Meor Hisham Zulkifli

KUALA LUMPUR, Isnin - Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gejala Sosial hari ini memutuskan kurikulum dan pendekatan pendidikan agama perlu dirombak untuk meningkatkan ketahanan dalaman generasi muda dalam menangani budaya negatif.

Mesyuarat itu yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyuarakan kebimbangan mengenai unsur negatif yang semakin menular di kalangan belia negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata mesyuarat itu bertujuan mencari punca gejala sosial yang berlaku seperti punk, dadah dan bohsia.

"Jawatankuasa mendapati punca keruntuhan akhlak disebabkan kelonggaran ketahanan dalaman pemuda-pemudi kita.

"Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata pendekatan pendidikan Islam hendaklah benar-benar menekankan pembinaan ketahanan dalam sanubari mereka untuk menangkis anasir yang tidak baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyampaian sumbangan komputer dan bantuan kewangan daripada syarikat swasta dan orang ramai kepada rumah anak yatim Darul Kifayah di sini malam ini.

Semalam, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob menyampaikan arahan Perdana Menteri supaya semua menteri besar dan ketua menteri mengambil tindakan tegas terhadap pusat hiburan yang gagal mematuhi syarat operasi supaya ia tidak terus menjadi pusat perkembangan gejala liar di kalangan remaja.

Kerajaan mendapati kewujudan pusat hiburan termasuk disko, kelab malam, karaoke dan pusat permainan video menjadi sarang maksiat dan keruntuhan moral yang semakin serius di kalangan golongan muda.

Dr Abdul Hamid berkata, semua jentera pendidikan Islam akan ditumpukan kepada perkara ini untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa supaya mengambil berat mengenai akhlak anak-anak mereka.

"Pendidikan anak-anak tidak boleh diserahkan kepada guru semata-mata kerana pendidikan sebenarnya bermula di rumah," katanya.

Abdul Hamid berkata, antara sebab kenaikan taraf Bahagian Hal-Ehwal Islam kepada Jabatan adalah kerana pertambahan tugas membabitkan pembendungan gejala negatif di kalangan masyarakat.

"Pusat Islam akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan serta pihak yang berkaitan bagi membentuk kurikulum dan mengambil langkah tertentu untuk membina syahsiah remaja.

"Pendidikan agama dan pendekatan pengajaran akan diperkemaskan terutama dalam kelas agama dan fardu ain yang akan membabitkan lebih 25,000 guru agama di bawah Kementerian Pendidikan dan majlis agama Islam," katanya.

(END)